

BAB

1

BAB 1

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG

Lembaga Tabung Haji (LTH) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963. Penubuhannya adalah untuk menyalurkan perkhidmatannya kepada masyarakat Islam Malaysia khususnya didalam pengurusan haji. Penubuhan LTH juga adalah bermatlamat untuk membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur untuk keperluan menuaih haji dan umrah dalam memenuhi tuntutan agama.

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي
بِكَعْكَةٌ مُبَارَّكَةٌ وَهُدًى لِلْعَالَمِينَ ﴿١﴾ فِيهِ مَا يَنْتَظِرُ
إِنَّ رَاهِيمًا وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ عَامِنًا وَلَهُ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ
مِنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَيْلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ عَنِ الْعَالَمِينَ

Bermaksud : "Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangunkan untuk ibadat bagi manusia ialah di Mekah yang diberkati dan menjadi pentunjuk bagi semua manusia. Padanya terdapat tanda-tanda yang nyata

diantaranya ialah maqam Ibrahim, barangsiapa memasukinya menjadi selamat bagi dirinya, mengerjakan haji adalah kewajibpan manusia terhadap Allah, iaitu bagi mereka sanggup untuk melakukan perjalanan ke Mekah (Baitullah). Barangsiapa mengingkari kewajiban haji, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dari semesta alam.

(Surah Ali-Imran ayat : 96,97)

وَأَذْنَ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكُرِجَا لَوْعَنٌ
كُلُّ ضَامِرٍ يَأْتِي مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٌ



Bermaksud : "Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadah Haji nescaya mereka akan datang dengan menunggang berjenis-jenis unta yang datang dari pelbagai pelusuk dunia yang jauh "

(Surah Al-Haj ayat : 27)

وَأَنْمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةِ لِلَّهِ

فَإِنْ أُخْصِرْتُمْ فَمَا أَسْتَيْسِرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ
الْهَدْيُ مَحْلَهُ وَفَنَّ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَذَىٰ مِنْ رَأْسِهِ فَفِدِيَةٌ
مِنْ صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ سُكُنٍ فَإِذَا أَمْنَتُمْ فَمَنْ تَمْنَعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجَّ
فَمَا أَسْتَيْسِرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَمْ يَحْدُثْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ آيَاتٍ فِي الْحَجَّ وَسَبْعَةٌ
إِذَا رَجَعْتُمْ

Bermaksud : "Dan sempurnakanlah Ibadah Haji dan Umrah kerana Allah. Jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau kerana sakit), maka sembelihlah korban yang mudah didapati dan jangan kamu bercukur kepalamu, sebelum korban sampai di tempat penyembelihannya. Jika ada di antara mu yang sakit atau gangguan dikepalanya, maka wajiblah atasnya berfidyah iaitu berpuasa atau bersedekah atau berkorban, maka bagi sesiapa yang ingin mengerjakan umrah sebelum haji wajiblah ia menyembelih korban yang mudah didapati, tetapi jika ia tidak menemukannya (korban) maka wajib berpuasa tiga hari dalam masa haji atau tujuh hari lagi apabila pulang ke tanah air"

(Surah Al-Baqarah ayat : 196)

LTH juga bertanggungjawab terhadap memperkembangkan wang yang disimpan oleh para penyimpan secara beransur-ansur. Simpanan yang disimpan akan dilabur dalam pelbagai sektor ekonomi yang menguntungkan. Oleh yang demikian dapat membantu kearah memajukan ekonomi negara dan dapat memantapkan ekonomi umat Islam khususnya pendeposit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Malaysia amnya.

LTH juga melambangkan keutuhan dan kemajuan sebuah organisasi Islam yang bersepada antara kepentingan dunia dan akhirat. Kesepaduan peranan yang dimainkan oleh LTH baik dari sudut agama maupun ekonomi hingga kini telah memperlihatkan tahap kejayaan yang memberangsangkan.

LTH merupakan institusi pelaburan dan kewangan separa Kerajaan yang khusus. LTH ditubuhkan hasil gabungan dua organisasi, iaitu Pejabat Urusan Haji, Pulau Pinang dan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji. Pejabat Urusan Haji yang ditubuhkan (1963) pada masa itu bertujuan untuk memberi kemudahan dan menjaga kebijakan am bakal-bakal haji, manakala Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji pula telah ditubuhkan untuk menyimpan wang simpanan bakal-bakal haji. Kedua-dua jabatan ini digabungkan untuk memperkemas dan melicinkan lagi urusan ibadat haji. Di samping itu, wang simpanan yang diterima daripada

penyimpan boleh dilaburkan dalam perusahaan-perusahaan yang sesuai mengikut tuntutan syarak. Pelaburan ini melibatkan pembelian harta tetap, seperti tanah, bangunan, saham-saham dari syarikat perusahaan, perdagangan, pelaburan jangka pendek dan pelaburan jangka panjang. Keuntungan yang diperolehi dari pelaburan ini akan diagihkan kepada penyimpan dalam bentuk bayaran dividen setelah ditolak zakat perniagaan.

LTH telah diperbadankan pada tahun 1963. Ia menandakan keperhatinan dan perhatian utama kerajaan berhubung dengan kebajikan kaum muslimin yang menunai fardu haji ke Mekah. Ini disebabkan perjalanan ke Tanah Suci bagi segolongan jemaah haji bermakna perlu menyimpan wang seumur hidup disamping terpaksa bergolok bergadai dan mengalami beberapa kesulitan sumber pendapatan selepas kembali menunaikan fardu haji. Ini memberi kesan yang kurang baik kepada kemajuan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara¹. Oleh itu LTH diwujudkan bukan sahaja bertujuan untuk mengatasi masalah sosio ekonomi, malahan menyediakan pelbagai perkhidmatan yang membolehkan umat Islam melabur dan menyertai secara berkesan dalam segala aktiviti ekonomi negara. Oleh yang demikian, keuntungan yang diperolehi dari pelaburan tersebut akan dapat digunakan sepenuhnya bagi membayai perbelanjaan ke Tanah Suci dan juga untuk tujuan lain yang memberi manfaat².

¹ Lembaga Urusan dan Tabung Haji, ulangtahun ke 30, *Buku Cenderamata*, 1993 hal. 17

² Ibid, hal 18

Pada tahun 1963, LTH bermula dengan agak sederhana, iaitu mempunyai seramai 1,281 orang penyimpan dengan jumlah simpanan hanya sebanyak RM46,610³. LTH telah berkembang maju hingga dapat menarik simpanan sebanyak RM1,541 juta dengan jumlah penyimpan seramai 2.3 juta orang pada 31 Julai 1993⁴.

Dengan mempunyai 105 pejabat cawangan di seluruh negara dan 1 pejabat cawangan di Arab Saudi serta aktiviti ekonominya yang pelbagai termasuk sektor perdagangan, perindustrian, perumahan dan perladangan dapat menjadikan LTH satu institusi yang kukuh⁵.

Pada tahun 1966, iaitu selepas 3 tahun diwujudkan, LTH berupaya membayar kadar dividen sebanyak 3% kepada para penyimpan.

Pada tahun 1993, kadar ini meningkat kepada 9% setelah dibayar zakat dan ini dijangka akan meningkat lagi berdasarkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan mantap. Sehingga 31 Disember 1999, sumber dana kumpulan LTH telah meningkat kepada RM 42,892 juta⁶, berbanding dengan tahun 1992 iaitu sebanyak RM1,725 juta⁷, pertambahannya sebanyak 25 kaliganda. Sebahagian besar peningkatan

³ Jabatan Perdana Menteri *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia – 30 tahun*, hal 312

⁴ Ibid, hal 312

⁵ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1997*, hal 44

⁶ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1999*, hal 200

⁷ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1993*, hal 37

pesat berpunca daripada simpanan penyimpan dengan jumlah terkumpul RM81,788 juta atau 87.9% daripada sumber dana⁸.

Pada tahun 1995, pindaan Akta LTH (1995) telah memperluaskan lagi skop pelaburan dengan menubuhkan beberapa syarikat milik di dalam dan luar negara. Ini menunjukkan LTH merupakan sebuah badan berkanun yang unik kerana badan ini terlibat secara langsung dalam pembangunan dan perancangan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. Keupayaan badan ini mengurus penyimpanan di samping terlibat dalam aktiviti pelaburan yang mendatangkan keuntungan, mengendalikan urusan mengerjakan Haji dan seterusnya membangunkan ekonomi jemaah haji selepas mengerjakan ibadat haji membuktikan LTH adalah organisasi yang cekap.

Dalam menghadapi cabaran sebagai sebuah organisasi pengurusan kewangan, LTH menghadapi persaingan sengit dalam kempen untuk mencari dan menambah penyimpan dengan institusi kewangan lain yang menawarkan keuntungan yang baik. Institusi-institusi kewangan tersebut ialah seperti BIMB, Syarikat Takaful, Unit-Unit Amanah dan Bank Perdagangan yang memperkenalkan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Walaupun dalam keadaan begitu purata simpanan pendeposit di LTH diparas RM 1200.00 keatas bagi setiap pendeposit. Keadaan ini

⁸ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1999*, hal 166

menunjukkan kepercayaan yang diberi oleh pendeposit kepada LTH sebagai tempat simpanan mereka.

Oleh kerana cabaran yang dihadapi, LTH perlu meningkatkan kecekapan supaya boleh bersaing dengan institusi lain dan perlu meningkatkan prestasi kewangan supaya dapat merancang masa depan yang lebih mencabar dalam dunia global. Dengan itu, matlamat kajian ini adalah untuk meninjau bagaimana prestasi ekonomi serta kewangan pendeposit LTH di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah satu yang relevan.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

LTH telah berkembang dengan pesatnya dari mula ianya ditubuhkan pada 1963 sehingga sekarang. Kejayaan demi kejayaan telah dicapai sehingga LTH menjadi sebuah institusi yang amat berkesan membantu jemaah haji pergi ke Tanah Suci serta membolehkan umat Islam di Malaysia melabur dalam lapangan perusahaan, perdagangan dan perlادangan. Perkembangan ini dapat meningkat taraf ekonomi umat Islam di Malaysia dan khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Justeru itu kajian ini diperlukan untuk mengetahui secara jelas dan tepat terhadap perkembangan ekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hubungan dengan peranan LTH.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hasil yang dicapai oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum dan selepas tertubuhnya LTH dari segi perkembangan taraf hidup mereka.

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan teks yang membincangkan aspek perkembangan ekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis menganggap kajian ilmiah ini amat penting bagi melihat sendiri era perkembangan taraf hidup umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1992 hingga tahun 1999. Dengan kajian ini penulis akan memberi satu maklumat dan fakta yang tepat kepada masyarakat Islam Kuala Lumpur untuk terus membangun bersama-sama arus permodenan yang maju di samping meningkat taraf hidup mereka dalam arus itu bersama-sama institusi Islam seperti LTH.

Penulis merasakan pencarian fakta-fakta tepat akan memberi gambaran yang sebenar tentang perubahan arus ekonomi pada permulaan penubuhan LTH sehingga sekarang.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat prestasi kewangan pendeposit LTH di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke arah memantapkan kehidupan dari segi mempertingkatkan ekonomi. Prestasi dilihat sebelum dan selepas menabung di LTH dan perbandingan taraf kehidupannya dapat dibuat. Tujuan utama kajian ini ialah:-

- a) Untuk mengukur pertambahan penyimpan di LTH.
- b) Faedah yang diperolehi dari menjadi pendeposit di LTH
- c) Mengumpul serta menganalisa maklumat-maklumat yang diperolehi bagi memperlihatkan taraf hidup pendeposit di LTH Kuala Lumpur.

1.4 BATASAN KAJIAN

Dalam penyelidikan ini penulis akan meninjau perkembangan taraf hidup umat Islam di Kuala Lumpur dari segi sosio ekonominya dan meneliti secara komprehensif dalam bentuk perangkaan kepada peningkatan taraf hidup di Kuala Lumpur dalam jangka masa 7 tahun berbanding dengan peratus jumlah simpanannya di LTH di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan ini penulis dapat mengetahui sejauh mana peningakatan taraf hidupnya dalam masa tersebut.

Penulis membataskan penyelidikan ini kepada tiga aspek iaitu melihat dan membuat kutipan fakta-fakta yang berkaitan dengan kehidupan umat Islam di Kuala Lumpur semasa permulaan penubuhan LTH di Kuala Lumpur.

Meninjau sejauh mana sambutan yang diberi oleh umat Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap LTH. Adakah simpanan mereka semata-mata untuk naik haji sahaja atau kedua-dua iaitu untuk naik haji dan untuk mendapat dividen pada setiap tahun.

Penulis akan mengupas dengan sebaik mungkin aspek-aspek tersebut, agar apa yang dikaji nanti dapat memberi gambaran bahawa penyimpan di LTH bukan saja untuk naik haji tetapi untuk mendapat dividen di samping dapat memperolehi feadah dari pelaburan yang dibuat oleh LTH. Pelaburan yang dibuat didalam kawasan Kuala Lumpur telah dapat diguna oleh kalangan masyarakat setempat dengan baik.

Di samping itu, penulis membataskan penyelidikan ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur saja kerana beberapa faktor, antaranya ialah

- 1) Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia yang dimana majoritinya masyarakat adalah bukan Islam. Masyarakat Cina melebihi 50% dan selebihnya ialah Melayu, India dan lain-lain⁹. Penulis ingin menggambarkan tentang masyarakat Melayu dalam keadaan yang demikian dari segi cabaran taraf hidup masayarakat Islam dalam keadaan begitu.

⁹ Jabatan Perangkaan Malaysia,1999. *Bacian tahun 1999*, Kuala Lumpur

- 2) Penulis juga ingin membuat perbandingan dalam ekonomi masayarakat Islam dan bukan Islam dari mula tertubuhnya LTH hingga sekarang.

- 3) Sumbangan yang dapat diberikan oleh LTH kepada usaha untuk menguatkan ekonomi umat Islam dalam pelaburan khususnya di kawasan tersebut.

1.5 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian yang telah dibuat pada masa lepas tidak banyak ditemui. Di antara kajian-kajian tersebut itu, ada yang berupa tesis di peringkat Ijazah sarjana muda, sarjana dan Ph.D. Walaubagaimana pun banyak kajian lebih tertumpu dalam bentuk kajian bab haji dan dari segi pelaburan serta kewangan saja.

Di antara kajian itu ialah kajian penyelidikan di peringkat Sarjana dibawah tajuk – Penilaian Prestasi Kewangan Lembaga Tabung Haji Mengikut Analisa Faktor, yang ditulis pada tahun 1994 oleh Kooyi Yamiroodeng, dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidikan ini telah dibuat tetapi ia lebih kepada analisa secara keseluruhan LTH dari sudut prestasi kewangan.

Begitu juga di peringkat Sarjana Muda tentang tajuk Lembaga Urusan Dan Tabung Haji, Satu Kajian Kursus Haji anjuran Bersama LUTH Dan Majlis Agama Islam Di Kuala Terengganu yang ditulis oleh Napisah Binti Jusoh (1993), dari Akademi Islam Universiti Malaya. Penulis tersebut hanya tertumpu kepada pengurusan haji dan ibadat haji yang sudah menjadi tugas dan matlamat LTH tanpa membincang kepada perkembangan ekonomi hasil daripada simpanan pendeposit di LTH.

Begitu juga di peringkat Sarjana Muda tentang tajuk Sumbangan Lembaga Tabung Haji Kepada Masyarakat Islam Malaysia : Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan, yang ditulis oleh Norasila Bt Abidin (1998/99), dari Jabatan Syariah Fakultiti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis hanya membuat kajian umum tentang LTH Di Wilayah Persekutuan tanpa menjerumus kepada perkembangan ekonomi hasil dari simpanan pendeposit di LTH di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh kerana itu sehingga ini belum terdapat kajian khusus mengenai LTH dan umat Islam dari segi ekonomi Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Maka, oleh kerana itu penulis ingin mengemukakan satu kajian terhadap pencapaian LTH terhadap matlamat dan tujuan penubuhannya khususnya untuk umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari segi sumbangan ekonomi kepada umat Islam.

Sehubungan dengan itu , satu tajuk tentang penekanan yang dibuat berdasarkan kepada bagaimana umat Islam dapat merasai kemajuan yang dicapai oleh sebab penubuhan LTH Haji terhadap tabungan dan menaikan taraf hidup umat Islam perlu dibuat.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengetahui hasil yang dicapai oleh umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum, semasa dan selepas penubuhan LTH.

1.6 PENGERTIAN TAJUK

Bagi memahami tajuk dengan lebih baik, beberapa petikan perkataan dari tajuk dan fasa yang terkandung dalam tajuk penyelidikan ini wajar diberi definiensi khusus bagi merujuk penggunaanya dalam kontek ini ianya adalah seperti berikut.

1.6.1 Lembaga Tabung Haji.

Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji dikanunkan pada bulan Ogos 1962. Pada bulan November ia telah diwartakan dan perbadanan

tersebut telah dilancarkan dengan rasminya pada bulan September 1963. Pada tahun 1969, Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji yang berpusat di Kuala Lumpur telah disatukan dengan Pejabat Urusan yang beribu pejabat di Pulau Pinang semenjak tahun 1951. Sebagai langkah mengemaskinikan lagi sistem penyusunan haji di mana penubuhannya termaktub dalam Akta Perlombagaan Negara pada 8 Ogos 1969 di bawah Akta 8, LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji). Akta ini telah diperbaharui pada tahun 1995 yang mana Akta Penubuhan Tabung Haji tersebut diletakkan di bawah Akta 535, Bahagian 2, Perkara 3 (1), (2), (3)¹⁰.

1.6.2 Sumbangan

Sesuatu yang diberikan sebagai bantuan atau pendorong daripada hasil kerja atau bantuan yang dilakukan bersama.

1.6.3 Ekonomi

Sesuatu sistem yang mengendalikan atau menghasilkan sumber kekayaan¹¹.

1.6.4 Umat Islam

¹⁰ Lihat Akta 535 Akta Lembaga Tabung Haji 1995. hal 9 & 10

¹¹ Hajah Noresah Bt Baharon 1997, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal 327

Para pemeluk atau penganut agama Islam. Islam ialah nama satu agama yang dianuti oleh masyarakat manusia sebagai satu kepercayaan. Ia disampaikan oleh Nabi Muhammad daripada Allah Subhanahu wata'ala¹².

1.6.5 Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Satu nama taufik yang dijadikan ibu kota negara Malaysia¹³.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Dua metodologi digunakan dalam kajian ini dari segi pengumpulan maklumat dan bahan. Pengumpulan data tersebut adalah seperti berikut:-

1.7.1 Kajian Perpustakaan

Pengumpulan maklumat melalui perpustakaan telah dibuat oleh penulis. Perpustakaan yang menjadi rujukan utama oleh penulis ialah di Perpustakaan LTH yang terletak di Lantai 35 Bangunan Ibu Pejabat LTH, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya dan perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ianya meliputi bahan-bahan cetak yang berbentuk

- a) Al-Qur'an al-Karim
- b) Al-Hadis
- c) Buku-buku yang berkaitan dengan pelaburan.

¹² Ibid, hal 501

¹³ Ibid, hal 714

- d) Buku-buku pekeliling Jabatan Pentadbiran Awam.
- e) Buku-buku Pekeliling LTH.
- f) Jurnal-jurnal tentang tamadun Islam.
- g) Berita-berita LTH.
- h) Laporan-laporan Tahunan LTH.
- i) Akhbar tempatan.
- j) Majalah-majalah semasa.

Bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan tersebut dapat membantu kajian penulis dan dapat menjamin keutuhan data dan ketepatan maklumat.

1.7.2 Kajian Lapangan Atau Penyelidikan Lapangan

Kaedah ini dipilih kerana ianya penting dalam usaha-usaha menyiapkan penulisan ini. Menerusi kajian lapangan ini penulis telah mengumpul maklumat dan data yang diperlukan berdasar tiga metode berikut iaitu,

a) Soal Selidik

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam mengenai tajuk ini. Di samping itu juga penulis akan memperolehi idea-idea dan pandangan yang berguna. Pandangan dan idea-idea ini sesuai dalam memperlihatkan sumbangan dan keberkesanan perancangan di LTH khasnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Borang soalselidik berkenaan diedarkan kepada pendeposit LTH di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Soalselidik adalah bermatlamat untuk mendapat gambaran yang jelas tentang taraf hidup dan pencapaian pendeposit. Satu set soalselidik yang mengandungi sejumlah 21 soalan dikemukakan untuk disoal kepada pendeposit. Soalan soalselidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama :-

Bahagian,

- A) Latarbelakang responden yang merangkumi 7 soalan. Ianya mengandungi tempat tinggal, jantina, taraf perkahwinan, umur, taraf menunaikan fardu haji, pendidikan dan aliran pendidikan.
- B) Mengandungi taraf ekonomi pendeposit. Ianya mengenai pekerjaan, pendapatan, jumlah simpan semasa, lama masa menjadi pendeposit, sumber hasil kewangan, cara simpan, kenapa sim pang di LTH, sebab mengeluarkan wang, jumlah yang diambil dalam satu-satu masa dan purata jarak masa pengeluaran wang.

C) Meliputi cadangan dan pandangan tentang LTH. Ianya perlu bagi pendeposit untuk mengemukakan idea-idea kearah yang boleh membawa kebaikannya sebagai pendeposit. Di samping itu dapat membantu pihak LTH menyediakan pelan bertindak yang canggih kearah kemajuan LTH dan mengatasi sebarang masalah yang timbul.

b) Wawancara

Untuk tujuan ini penulis telah mewawancara tiga pihak untuk membantu kajian iaitu :

i) Wawacara Dengan Pendeposit

Tujuan penulis mewawancara pendeposit ialah untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang taraf pendeposit dari segi ekonominya sebelum dan selepas menabung di LTH. Dengan ini dapat membantu lagi kajian dari segi ketepatan fakta yang akan dibuat oleh penulis.

ii) Wawancara Dengan Pegawai Bawahannya LTH

Tumpuan wawancara ini adalah bertujuan untuk melihat dari segi keselesaan melayan pelangan dan pengunaan sistem moden dalam urusan sehari-hari yang diberikan oleh pihak majikannya. Dari sini dapat membantu penulis untuk menentukan dan membuktikan kemajuan LTH. Tanpa sistem

pengurusan yang baik sudah tentu tidak akan dapat menuju kearah kemajuan yang diharapkan oleh pendeposit. Adanya hubungan yang baik dengan pelangan di samping penambahan tabungan dan simpanan pendeposit dapat membuktikan lagi kajian penulis tentang taraf kehidupan pendeposit.

iii) Wawacara Dengan Pegawai Atasan

Ianya dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui matlamat, tujuan dan wawasan Lembaga Tabung Haji dapat dicapai atau tidak. Tujuan dan matlamat itu ialah :-

Tujuannya,

- a)** Mengadakan kemudahan untuk umat Islam menyimpan wang secara beransur-ansur tanpa dicemari oleh riba' bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan yang bermanfaat disamping
- b)** Memberi pulangan kepada umat Islam untuk mengambil bahagian lebih berkesan di bidang penanaman model dalam sektor perusahaan, perdagangan, perlادangan serta tanah dan bangunaan melalui wang simpanan mereka dengan cara yang halal di sisi agama Islam.
- c)** Mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti untuk kebajikan, kesihatan dan pengawalan yang

teratur serta pelindungan yang menyeluruh di Tanah Suci bagi umat Islam menunaikan fardu Haji.

Manakala matlamatnya pula,

- a) Memberi perkhidmatan yang baik dan sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menunaikan fardu haji.
- b) Memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit atas wang simpanan mereka.

Melalui cara ini dapat penulis mengetahui tujuan, matlamat serta wawasan tersebut dapat dicapai sepenuhnya atau sebaliknya. Ini semua dapat membuktikan lagi ketepatan fakta yang dibuat oleh penulis.

c) Pemerhatian

Selain dari soalselidik dan wawancara, penulis juga telah menggunakan metode pengumpulan maklumat dengan cara pemerhatian. Penulis juga telah hadir di setiap pejabat LTH disekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedatangan ke tempat tersebut adalah semata-mata untuk

membuat penilaian secara langsung. Di samping melihat suasana hubungan pendeposit dengan kakitangan LTH. Ini bagi membuktikan fakta yang dibuat itu betul dan tepat sesuai dengan kajian.

d) Relevan Kajian

Sebagaimana yang difahamkan bahawa setakat ini sudah ada tesis yang dibuat berkenaan dengan LTH diperangkat Ph.D. Ada juga kajian yang dibuat diperangkat untuk menyempurnakan ijazah pertama, diploma serta satu tesis di peringkat sarjana. Oleh itu, ini adalah kajian yang dibuat oleh penulis tentang LTH diperangkat Sarjana. Di mana kajian ini lebih tertumpu kepada bagaimana LTH dapat memberi sumbangan dari segi peningkatan ekonomi kepada pendepositnya, terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Relevan kajian ini juga ialah mencungkil peranan LTH mengembangkan dana dari pendeposit untuk mendapat keuntungan.

Di samping itu juga untuk membuat pelaburan yang halal serta berdaya maju dalam sektor-sektor ekonomi di Malaysia mahupun di luar Malaysia. Pelaburan-pelaburan itu semestilah memperolehi pulangan yang maksimum, setanding atau lebih baik dari pasaran semasa.

1.8 SAMPEL KAJIAN

Sistem rambang telah dipilih oleh penulis dalam pemilihan sampel kajian. Penulis telah memilih 100 responden dewasa iaitu 25% daripada 400 pendeposit, 100 responden daripada kakitangan kerajaan, 100 responden daripada pendeposit bawah umur 20 tahun dan 100 responden daripada bukan kakitangan kerajaan yang boleh dianggap sebagai hasil sumber pendapatan tidak menentu. Ia dianggap munasabah kerana berdasarkan kepada tiga ciri iaitu:-

Pertama: Dengan cara penulis dapat membezakan suasana kehidupan pendeposit sebelum, semasa, selepas menabung di LTH. Dengan ini penulis dapat tahu tahap taraf kehidupan pendeposit dari segi kemajuan kehidupan. Keadaan ini boleh juga penulis simpulkan bahawa sumbangan keuntungan yang diperolehi dari simpanan di LTH dapat membantu kehidupannya.

Kedua : Penulis juga dapat tahu dengan cara mengetahui kadar simpanan golongan-golongan bawah umur 20 tahun dan atas 20 tahun yang menjadi pendeposit di LTH, dapat membantu penulis membentuk fakta-fakta yang betul tentang keupayaan LTH dari segi tabungan.

Ketiga: Dari itu juga dapat membezakan di antara pendeposit yang aktif atau yang tidak aktif dalam buku simpananya. Keaktifan ini dapat menjelaskan tahap pendeposit, terhadap kesempurnaan kehidupan di segi perbelanjaan harian dan keperluan mereka. Begitu juga dari segi jarak masa satu-satu pengeluaran wang mereka.

Berdasarkan kepada responden ini dapat penulis simpulkan keadaan yang sebenar pendeposit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel yang dipilih oleh penulis ini juga dapat memadai mengikut keperluan teknik kajian.

1.9 PERUMUSAN MASALAH KAJIAN

Sepanjang kajian ini dijalankan terdapat beberapa rumusan seperti diklasifikasikan dibawah,

- a) Golongan yang menyimpan di LTH adalah terdiri dari semua lapisan masyarakat dan yang terbanyaknya ialah bagi mereka yang sudah melebihi 20 tahun, iaitu 70%.

- b)** Penabung juga terdiri dari semua peringkat tahap kehidupan mereka, ada yang kaya dan miskin.
- C)** Majoritinya ialah pendeposit dari golongan yang berpendapat sederhana dan dewasa, mereka menyimpan wang di LTH adalah semata-mata untuk mencukupkan wang bagi menunai fardu haji. Manakala golongan yang bawah umur 40 tahun rata-rata menambung untuk mendapat dividen yang tinggi.
- d)** Sepanjang kajian dibuat peratus pendeposit yang menutup akaunnya sangat sedikit iaitu 0.1%. Ini juga menunjukan kemampuan dan pencapaian yang cemerlang yang ditunjukkan oleh LTH.

1.10 TEMPAT KAJIAN

Penulis telah memilih tiga buah pejabat LTH di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk membuat kajian.

i) Kaunter LTH di Ibu Pejabat LTH Jalan Tun Razak. Kaunter ini dijadikan kaunter utama kajian kerana ia menerima paling ramai pendeposit setiap hari berbanding dengan yang lain.

ii)Pejabat LTH di Jalan Ipoh. Dulu dikenali sebagai Pejabat LTH kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Sekarang ini telah dijadikan pejabat cawangan bermula pada 5 Jun 1999.

iii)Pejabat LTH di Jalan Tunku Ab Rahman. Ianya dibuka pada 5 Jun 1999 dan di sini dijadikan Pejabat LTH bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang baru.

1.11 TEMPUH KAJIAN

Penulis telah menyempurnakan kajian ini menerusi dua tahap;

Pertama, kajian lapangan mengambil masa selama enam bulan bermula pada Januari 1999 hingga Jun 1999.

Kedua, kajian perpustakaan bermula Februari 1999 hingga Januari 2001.

1.12 KESIMPULAN

Penulis telah membuat kesimpulan bahawa kajian yang dibuat ini jelas menunjukan bahawa perkhidmatan LTH adalah bertunjangkan kepada aktiviti- aktiviti pelaburan yang membawa keuntungan di samping berfungsi dalam perkhidmatan haji. Konsep awal disebalik kewujudan LTH ialah bagi membolehkan kaum muslimin menyimpan wang untuk menunaikan fardu haji ke Mekah tanpa sebarang keraguan tentang soal riba', dan pada masa yang sama mereka juga memperolehi sedikit keuntungan daripada pelaburan. LTH kini bukan sahaja mampu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan haji yang cekap malahan dapat menjamin pulangan yang tinggi kepada penyimpanya.